

**PENDEKATAN ASAS DALAM KOMUNIKASI DAKWAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

MUHAMAD AMAR MAHMAD<sup>1,a</sup>, MOHD AKRAM DATO’ DAHAMAN@ DAHLAN<sup>2</sup>,  
KAMARUDIN BIN AHMAD<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah,  
Universiti Utara Malaysia

<sup>a</sup>m.amar@uum.edu.my

**Kata kunci:** Pendekatan, Asas, Komunikasi, Dakwah, Islam

**Abstrak.** Islam bersifat syumuliah dalam semua aspek dan relevan untuk setiap zaman. Ianya mencangkupi aspek untuk membina toleransi yang baik sesama manusia seperti dalam konteks pendekatan komunikasi. Hal ini kerana pendekatan komunikasi merupakan aspek yang sangat penting di dalam merealisasikan keberkesanan sesuatu maklumat yang disampaikan khususnya dalam menyampaikan dakwah. Artikel ini cuba menyorot dan mengenal pasti beberapa pendekatan komunikasi yang telah disarankan di dalam Islam dengan menggunakan istilah-istilah yang pelbagai. Metod yang diguna pakai oleh pengkaji adalah kaedah kepustakaan dengan meneliti beberapa ayat al-Quran, as-sunnah dan beberapa pandangan para cendekiawan yang ada hubung kait dengan subjek kajian. Sorotan dan analisis ini mendapati pendekatan komunikasi sangat signifikan di dalam menentukan kejayaan dakwah yang merangkumi istilah seperti Qaulan Sadida, Qaulan Karima, Qaulan Maysura, Qaulan Baligha, Qaulan Layyina dan Qaulan Ma’rufa. Secara umumnya gaya komunikasi tersebut sangat relevan untuk dijadikan panduan utama kepada para pendakwah dalam mengaplikasikannya khususnya dalam masyarakat plural di Malaysia.

**PENGENALAN**

Komunikasi merupakan proses pemindahan mesej dari individu kepada individu yang lain. Menurut Gardner (1993) menjelaskan bahawa komunikasi merupakan keupayaan untuk berinteraksi dengan seseorang dan cuba memahamkannya. Menurut sarjana yang bernama Hovland sepertimana yang dikutip oleh Efendi komunikasi merupakan suatu proses yang berlaku antara seorang penyampai dengan menghantar sesuatu rangsangan untuk mengubah tingkah laku individu lain.

Komunikasi secara umumnya terbahagi kepada dua iaitu verbal dan non-verbal. Verbal adalah menerusi lisan iaitu percakapan dan non-verbal pula bersifat bahasa tubuh. Dalam artikel ini pemfokusannya adalah dakwah secara verbal sebagaimana yang disarankan oleh Allah SWT di dalam al-Quran di dalam menyampaikan dakwah. Menurut Sulaiman et. al (2002) Komunikasi lisan boleh terjadi secara langsung apabila dua orang yang berbual secara bersemuka. Kesilapan di dalam memilih kaedah dan bentuk komunikasi yang tepat terutama dalam menyebar dakwah menyebabkan sasaran akan menjauhkan diri dari pendakwah.

Dalam hal ini, pendakwah seharusnya menguasai “*skill*” dengan memerhati dan mengkaji gaya komunikasi yang paling sesuai dan relevan mengikut kadar pemikiran mereka. Aras bahasa yang berbentuk simbolik, berfalsafah dan bombastik juga boleh menjadi penghalang kepada sebahagian besar sasaran. Sekiranya pendakwah ingin menyampaikan dakwah kepada bangsa tertentu sekurang-kurangnya pendakwah cuba mempelajari beberapa patah perkataan untuk diselitkan di dalam proses menyebarkan dakwah. Dengan cara ini, akan mewujudkan suasana kebersamaan yang setara tanpa ada halangan “*barrier*.”

**KEPENTINGAN KOMUNIKASI DALAM DAKWAH**

Komunikasi memainkan peranan utama untuk memastikan survival dakwah dapat berjalan dengan lancar dan mudah. Dalam erti kata yang lain penentu samaada kegagalan atau kejayaan dalam berdakwah bergantung sebahagian besarnya kepada pendekatan komunikasi yang digunakan. Sekiranya komunikasi yang ditentukan dalam dakwah tidak relevan, dikhuatiri ianya boleh membawa kepada pemahaman yang berbeza dan tidak sampai maksud sebenar. Sebagaimana kata Ibn Mas’ud r.a:

“Tiadalah percakapan kamu terhadap sesuatu kaum yang tidak dapat dijangkau oleh mereka melainkan akan timbulnya fitnah”  
(Ramli Awang. et.al, 2012)

Penggunaan komunikasi yang mudah difahami serta petah dalam menyatakan sesuatu dan mampu mengeluarkan hujah yang bernas merupakan pakej kepada seseorang pendakwah. Rasulullah s.a.w semasa berdakwah sangat menitikberatkan penggunaan komunikasi dengan menggunakan kata-kata yang boleh menarik minat sesiapa sahaja yang mendengar, melainkan hati manusia yang sudah keras. Dalam hal ini Syeikh Wahbah al-Zuhaili (1991), mentafsirkan kalimah (*Wasirajan Munira*) dalam surah al-Ahzab ayat 46 dengan mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w berdakwah dengan menggunakan bahasa yang tidak berbelit-belit, bombastik, berfalsafah dan sebagainya. Dalam pada itu juga, Allah menisbahkan Rasulullah SAW sebagai sebuah pelita, bukannya dengan matahari dalam ayat ini. Sekiranya difikir secara logik akal, sudah tentu matahari sangat relevan untuk menunjukkan cahaya yang boleh menerangi dengan lebih luas dan terang. Namun Allah mengumpamakan nabi dengan pelita kerana sifat pelita bila dilihat tidak menyakitkan mata sebagaimana melihat matahari. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud juga ada menyatakan:

Daripada Aisyah radiallahu anha katanya: “adalah percakapan Rasulullah s.a.w itu jelas lagi nyata dan difahami oleh setiap orang yang mendengarnya”.  
(Hadis Riwayat Muslim, 1984, no. hadis 2510).

Selain itu juga, menurut al-Falimbani (2002) dalam *Sairus Salikin* menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w tidak pernah menggunakan kata-kata kesat dalam berdakwah secara lisan dan ia merupakan sebaik-baik model yang harus diteladani. Sekiranya, pendakwah berhasrat mahu juga memaki kepada sasaran yang degil, al-Falimbami mengingatkan bahawa harus dimaki dengan menggunakan perkataan yang tidak terlalu keji dan dusta. Contohnya ‘*ya fasiq*’ iaitu wahai orang yang berdosa, ‘*ya ahmaq*’ iaitu wahai orang yang kurang akal, ‘*ya jahil*’ iaitu wahai orang yang tidak tahu dan ‘*ya ghabiy*’ wahai orang yang dungu dan seumpamanya.

**JENIS KOMUNIKASI DAKWAH DI DALAM AL-QURAN**

Al-Quran telah menggariskan beberapa jenis komunikasi yang boleh dipraktikkan bersesuaian dengan tahap dan situasi sasaran. Ianya meliputi daripada penguasa yang zalim sehingga kepada golongan bawahan. Bentuk-bentuk komunikasi tersebut terdiri daripada *Qaulan Layyina*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Sadida*, *Qaulan Maisura* dan *Qaulan Karima*.

**a. *Qaulan Layyina*.** Di dalam al-Quran terdapat ayat yang menyatakan tentang bentuk komunikasi dakwah secara *Qaulan Layyina*. Ayat ini membicarakan tentang pendekatan dakwah nabi Musa terhadap Firaun yang maha zalim iaitu di dalam surah Toha (20:44).

“ Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya dia telah melampaui batas, maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia ingat atau takut”.

Menurut al-Qurtubi (1993), ayat di atas secara jelas menunjukkan sewaktu berdakwah kepada penguasa atau pemimpin yang rakus dan zalim seperti firaun, Islam menyuruh kita menggunakan pendekatan dakwah *Qaulan Layyina*. Inilah satu-satunya pendekatan yang terbaik kerana golongan ini mempunyai tahap kesombongan dan ego yang cukup tinggi kerana memiliki kekuasaan dan pengaruh yang ramai. Pendekatan *Qaulan Layyina* ini boleh menusuk masuk ke dalam Qalbu golongan ini dengan mudah kerana pembawaan pendakwah tersebut itu secara lemah lembut dan tidak menyinggung perasaannya (Mariam Abdul Majid, 2016) Sebab itulah sekeras mana hati seseorang apabila berhadapan dengannya secara lemah lembut akhirnya dia akan mengalah. Jika kita berkeras juga, situasi yang lebih tegang akan tercetus bahkan lebih menjauhkan diri mereka dengan kebenaran. Paling parah boleh menyebabkan kita dihukum sebagai pengkhianat, pemberontak dan sebagainya.

Walaubagaimanapun, janganlah sampai seseorang itu mengampu pemerintah untuk menghadapi pemerintah yang zalim ini kerana perbuatan tersebut boleh membawa kepada maruah seseorang itu jatuh. Sekiranya pemimpin yang disekitarnya terdapat pengampu akan bertambah kesesatan dan kezalimannya kerana tidak pernah menerima celaan dan kejian. Justeru sesorang yang hendak berhadapan dengan golongan pemimpin, seharusnya bercakap benar walaupun ianya pahit untuk dinyatakan tetapi dengan nada lemah lembut. Dalam masa yang sama juga mengelakkan diri daripada menjadi sesorang pengampu dan penyangga. Fenomena inilah yang sedang berlaku kepada kebanyakan para pemimpin, tokoh negarawan dan penguasa negara pada zaman moden ini (HAMKA, 1999).

Di dalam ayat tersebut terdapat kalimah لعله yang bermaksud mudah-mudahan. Kalimah ini jelas menunjukkan bahawa supaya terhasilnya satu natijah yang positif setelah didakwahkan kepadanya. Oleh hal yang demikian, lemah lembut itu bukannya bermaksud seruan yang bersifat lemah dan tidak berkualiti serta bersifat longlai tetapi disebalik kelembutan tersebut ada nilai ketegasan dan ancaman.

**b. *Qaulan Karima*.** Di dalam al-quran terdapat hanya satu tempat yang menyebut dakwah secara *Qaulan Karima*, iaitu yang bersangkutan dengan prinsip-prinsip pergaulan dengan kedua ibubapa sebagaimana di dalam surah al-Isra (17:23).

“Dan tuhanmu telah memerintahkan agar jangan menyembah selain Dia dan hendaklah berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai usia lanjut dalam pemeliharaanmu, maka jangan sesekali engkau mengatakan kepada keduanya perkataan “ah” dan janganlah engkau memaki keduanya, dan ucapkanlah kepada keduanya perkataan yang baik”.

Di dalam ayat ini selepas perintah ke arah kewajipan mentaati Allah SWT diiringi pula dengan mentaati dan mengasihani kedua ibubapa. Menurut al-Dimasyqi (2000), ayat ini secara jelas mempunyai perkaitan langsung ibadah kepada Allah dengan berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Selepas perintah mentaati kepada Allah terdapat huruf *wawul* ‘*athaf*’ yang menunjukkan bahawa tahap kesempurnaan perhambaan seseorang kepada Allah adalah mesti mentaati kedua ibubapa. Betapa mustahaknya perintah oleh Allah supaya diberikan ketaatan yang sewajarnya kepada mereka kerana kehadiran kita di dunia ini adalah menerusi keduanya. Menurut Ahmad Mubarak (2000) pula kalimah *Qaulan Karima* adalah bercakap dengan menggunakan nada yang mudah, lemah lembut, tidak bersifat retorik dan tidak pula seolah-olah mengajar dan mengarahkan mereka. Suasana harus dibina apabila berhadapan dengan mereka kerana mereka mempunyai hati yang mudah sensitif, mental dan fizikal yang kurang terdaya tetapi tetap ada keegoan sebagai seorang Ibu dan bapa.

Di dalam ayat yang lain, Allah SWT memberi peringatan yang cukup keras dalam bentuk ancaman kepada mereka yang tidak berlaku ihsan kepada kedua ibubapa. Firman Allah yang bermaksud:

“Katakanlah: Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatu pun dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan (zina) yang terang daripadanya dan yang tersembunyi dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh Syarak). Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya (al-An’am 6: 151)

Dalam konteks ayat ini, jelas menunjukkan bahawa menggunakan pertuturan sopan adalah suatu tuntutan kewajipan yang menjadi penanda aras yang menentukan ianya seorang anak soleh atau sebaliknya. Namun begitu, sekiranya ibu bapa melakukan sesuatu perkara yang bertentangan dengan Islam maka menjadi kewajipan kepada seorang anak untuk melarangnya tetapi dengan nada yang lemah lembut yang sarat dengan nasihat dan larangan. Begitu juga dengan situasi apabila ibu bapa mengajak kepada kekafiran dan kesyirikan kepada Allah, maka ianya tidak boleh ditaati kerana ketaatan kepada Allah lebih agong dan paling tinggi kedudukannya (Majdi Fathi Sayyid, 1998)

**c. *Qaulan Baligha*.** Di dalam al-Quran terdapat perkataan *Qaulan Baligha* berkaitan dengan pendekatan dakwah terhadap orang-orang munafik. Ianya boleh dieertikan sebagai perkataan yang berbekas pada jiwa manusia. Menurut Syihab (2002) menjelaskan bahawa kalimah *Baligha* ini terdiri daripada huruf-huruf seperti *ba*, *lam* dan *ghain*. Menurutny sekiranya sesuatu kalimah itu terdiri daripada huruf-huruf tersebut ianya bermaksud sampainya sesuatu itu ke sesuatu yang lain. Sebagaimana di dalam firman Allah yang bermaksud:

“Mereka itulah orang-orang yang diketahui oleh Allah akan apa yang ada dalam hati mereka, oleh itu berpalinglah engkau daripada mereka dan nasihatilah mereka, serta katakanlah kepada mereka kata-kata yang boleh memberi kesan pada hati mereka.”

Ayat di atas menjelaskan kepada Rasulullah SAW apabila bersemuka dengan golongan munafik bukannya menggunakan pendekatan secara lemah lembut dan halus tetapi yang *baligh* iaitu secara “*clear*” dan jelas. Dalam konteks ini sekiranya seseorang dapat menyusun kata-katanya sehingga mampu menyampaikan sesuatu seruan dan nasihat dengan baik ianya dinamakan *baligh*. Menurut Ahmad Mubarak (1999) menerusi pendekatan *Qaulan Baligha* membolehkan dakwah yang disampaikan dapat terkesan dan boleh merubah sifat mereka. Golongan ini adalah golongan lebih bahaya berbanding dengan golongan kafir kerana sifat kepura-puraannya yang sangat licik. Oleh hal yang demikian di dalam al-Quran Allah menceritakan sifat golongan ini lebih banyak berbanding dengan golongan kafir. Sebagai contoh di dalam surah al-Baqarah ayat tentang golongan kafir hanya dua ayat iaitu ayat yang ke-6 hingga ke-7. Namun begitu ayat tentang golongan munafik sebanyak 13 ayat bermula dari ayat ke-8 sehingga ayat ke-20.

Golongan munafik ini, zahirnya seperti orang yang beriman tetapi di dalamnya penuh dengan dendam kesumat dan kebencian terhadap Islam dan umat Islam. Situasi inilah yang dihadapi oleh Rasulullah semasa di Madinah setelah mana Islam berkuasa di sana. Mereka bersikap sebegitu rupa kerana mereka merasakan diri mereka terhimpit dan tertekan disebabkan umat Islam sudah menjadi majoriti. Menurut Wahbah az-Zuhaili (1991) antara punca munculnya golongan yang tidak mahu beriman dengan sebenarnya kerana mereka berasa tidak yakin dan ragu-ragu dengan ajaran Islam seperti adanya perkara *ghaibiyat* dan sebagainya. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“*Kami beriman kepada Allah dan Hari Kemudian*”, padahal mereka itu sesungguhnya bukan orang-

*orang yang beriman.*”

Berbeza dengan golongan Kafir yang boleh dilihat setiap amalannya seperti menyembah selain Allah SWT dan mempersekutukannya selari dengan apa yang terkandung di dalam hatinya. Golongan ini semasa zaman Rasulullah ketika berhadapan dengannya dia berkelakuan sepertimana orang beriman tetapi di belakang baginda terserlah kekafirannya dengan menyatakan penentangan yang amat sangat kepada perjuangan Rasulullah SAW.

Menurut Muhamad Fuad al-Baqi (1992), betapa bahayanya golongan ini sehingga di dalam al-Quran Allah SWT menyatakan tentang golongan ini pada banyak surah. Di dalam al\_quran kata al-Munafiq dan kata Nifaq terdapat 9 surah dan 24 ayat, iaitu: Al-Anfal: 49, at-Taubah: 64, 67, 68, 73,101, al-Ahzab: 12, 60, 24, 48, al-Munafiqun: 1, 7, 8, al-Nisa: 61, 88, 138, 140, 142, 145, al-Hadid:13, al-Ankabut: 11, al-Fath: 6, al-Tahrim: 9. Dan kata Nifaq dijumpai dalam satu surah dan di dalam 3 ayat iaitu; an-Nisa’: 77, 97 dan 101.

**d. *Qaulan Sadida*.** Dalam Kamus *Lisanul* ‘*Arab* kata *Sadida* berasal daripada kalimah ‘*sadda*’ ‘*yasuddu*’ bererti benar atau tepat. *Qaulan Sadida* adalah pendekatan dakwah dengan cara menggunakan perkataan yang tegas, tepat, terang dan benar. Bukannya komunikasi yang menggunakan ayat yang berjela-jela dan berfalsafah. Menurut Syihab (2002), *Qaulan Sadida* ini terdiri daripada huruf *sin* dan *dal* yang merujuk kepada makna merobohkan sesuatu kemudian membina dan membangunkan semula. Dalam erti kata lain, untuk mengubah pemahaman, persepsi dan pegangannya yang lama dengan menggantikan kepada yang baru. Di dalam al-Quran terdapat dua kali dakwah dalam bentuk ini seperti firman Allah yang bermaksud:

“Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran) (an-Nisa’ 4:9).

Dalam firman yang lain bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan katakanlah perkataan yang tepat (benar dalam segala perkara),Supaya Dia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya dia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan” (al-Ahzab 33: 70-71).

Di dalam kedua-dua firman Allah tersebut, terdapat suatu penegasan daripada Allah supaya bersifat dengan takwa kepada Allah kemudian barulah bercakap dengan benar dan lurus. Perkaitan yang cukup kuat di antara keduanya kerana sekiranya mereka tidak bertakwa kepada Allah sudah tentu percakapannya berunsurkan penipuan, pembohongan kerana tidak takutkan akan Allah SWT. Hamka menafsirkan *Qaulan* Sadida daripada surah an-Nisa’ ayat 9 itu dengan mengatur urusan wasiat. Pemberi wasiat di dalam meninggalkan pesanan wasiat perlulah menggunakan kata- kata yang jelas dan tepat iaitu tidak meninggalkan sebarang bentuk keraguan bagi orang yang ditinggalkan. Manakala *Qaulan Sadida* dalam surah al-Ahzab ayat 70 pula, beliau menyatakan bahawa ucapan yang tepat terbit daripada hati yang bersih kerana setiap perkataan yang keluar menerusi mulut itu adalah gambaran apa yang terpancar di hati. Tutur kata yang keluar dari mulut itu menggambarkan dalaman hati seseorang sama ada bersih atau keras. Sekiranya kata-kata yang terbit dari mulut mereka itu boleh menyebabkan seseorang itu terguris dan sakit hati bermakna jiwanya sedang mengalami masalah rohani.

Dalam hal ini, al-Qaradhawi (1993), pernah menyatakan bahawa perintah takwa adalah perintah yang paling utama oleh Allah kepada setiap muslim yang menjadi tunjang dan pendorong kepada melaksanakan amalan-amalan mulia yang lain termasuk dari sudut tutur kata dan percakapan.

**e. *Qaulan Ma’rufa*.** *Qaulan Ma’rufa* secara leksikalnya adalah ‘*al-Khair*’ atau *al-Ihsan*. Di dalam al-Quran terdapat empat tempat:

- i. Pertama, di dalam surah al-Baqarah (2: 235) kalimah *Qaulan Ma’rufa* adalah merujuk kepada percakapan yang lembut dan halus untuk memining seseorang wanita yang sudah kematian atau diceraikan oleh suami.
- ii. Kedua, surah an-Nisa’ (4:5) *Qaulan Ma’rufa* bermaksud supaya jangan terlalu cepat dan pantas semasa percakapan dan perbualan dengan kanak-kanak. Seseorang yang telah dewasa sepatutnya memilih ayat yang mudah difahami tanpa bercampur dengan bombastik kerana pemikirannya masih berada pada tahap yang rendah.
- iii. Ketiga, surah al-Ahzab (23:32) menjelaskan bahawa *Qaulan Ma’rufa* adalah tentang larangan terhadap isteri Rasulullah dan muslimah secara amnya supaya bercakap perkara yang perlu sahaja. Perbuatan yang boleh

membawa keghairahan lelaki amat dilarang sama sekali seperti bermanja-manja, bercakap perkara yang tiada keperluan dan seumpamanya.

Oleh hal yang demikian, secara umum *Qaulan Ma’rufa* adalah bertutur dengan perkataan yang baik-baik dan mudah difahami oleh sasaran. Menurut al-Buruswi (1996), *Qaulan Ma’rufa* adalah suatu bentuk tuturan yang lemah lembut sebagaimana ucapan peminangan oleh seseorang lelaki ke atas perempuan. Hamka (1987) pula menjelaskan kalimah *Qaulan Ma’rufa* dengan percakapan yang sopan, halus dan penuh penghargaan. Pandangan yang sama diutarakan oleh al-Kattani (t.th), namun dalam masa yang sama ungkapan tersebut mestilah tidak berunsurkan celaan dan cacian. Pandangan yang telah dikemukakan oleh Jalaluddin Rahmat (1992) nampak menyeluruh dengan membuat suatu kesimpulan kepada *Qaulan Ma’rufa* iaitu suatu pembicaraan yang bermanfaat, memberikan pengetahuan, mencerahkan pemikiran dan memudahkan sebarang masalah dan kesulitan dalam suasana yang harmoni.

**f. *Qaulan Maisura*.** Perkataan *Qaulan Maisura* adalah bentuk perkataan yang mudah. Ia hanya terdapat di dalam surah al-Isra yang bermaksud:

“ Dan jika engkau terpaksa berpaling tidak melayani mereka, kerana menunggu rezeki dari Tuhanmu yang engkau harapkan, maka katakanlah kepada mereka kata-kata yang menyenangkan hati.”

Menurut al-Maraghi (1943), *Qaulan Maisura* adalah suatu ucapan yang baik dan lunak serta menepati janji. Hamka (1983), pula berpandangan perkataan tersebut dengan maksud perkataan yang menyenangkan, baik, halus, lemah lembut dan dalam masa yang sama seorang dermawan dan ringan tulang. Menurut al-Dimasyqi (2000) menjelaskan *Qaulan Maisura* ialah ucapan yang segera iaitu ucapan yang mempunyai jaminan yang menyeronokkan seperti jika aku mendapat rezeki dari Allah, aku akan tunaikan hajatmu.

Perkataan *Qaulan Maisura* secara umumnya adalah pengharapan seseorang yang sangat memerlukan disebabkan kesulitan, kemiskinan, kefakiran dan sebagainya. Justeru, seseorang yang berhadapan dengan golongan seperti ini harus menggunakan *Qaulan Maisura* iaitu dengan memberikan suatu pengharapan semoga akan dibantu dan diselesaikan permasalahan tersebut. Ekoran daripada itu, orang yang memberi pengharapan tersebut bukan hanya meninggalkan janji sahaja malah berusaha untuk mendapatkan dengan sebaik mungkin kerana keadaan mereka yang sangat memerlukan. Ungkapan tersebut boleh meredakan keadaan mereka yang dalam situasi kesusahan dan kesempitan. Menurut Jalaluddin Rahmat (1992) tidak kira apa bentuk ucapan pun, yang penting ianya boleh menggembirakan dan menyeronokkan mereka yang dalam keadaan kesempitan. Manakala at-Tabari (1984), menjelaskan bahawa ungkapan yang indah-indah dan berbentuk mengharapkan semoga terasa ringan bebanan yang dihadapi mereka.

**KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, menunjukkan bahawa untuk menghadapi sasaran atau mad’u dakwah perlulah diketahui tahap dan situasinya bagi memastikan keberkesanan komunikasi dakwah yang disampaikan. Al-Quran telah memberikan panduan yang terbaik kepada para pendakwah untuk mencari pendekatan komunikasi tersebut yang terangkum di dalam enam bentuk iaitu Qaulan Sadida, Qaulan Karima, Qaulan Maysura, Qaulan Baligha, Qaulan Layyina dan Qaulan Ma’rufa. Justeru pemilihan komunikasi yang tepat kepada jenis sasaran yang dihadapi akan mampu menjadikan komunikasi sebagai “*power of attraction*” yang boleh mengubah sifat, perilaku, pendirian dan persepsi sasaran. Hal ini terbukti pada zaman Rasulullah SAW pendekatan komunikasi yang tepat telah diaplikasikan oleh baginda sehingga telah berjaya merubah pada mulanya dari segi iktikad, pegangan dan seterusnya kepada perilaku serta perangai jahiliah.

**RUJUKAN**

Al-Buruswi, Ismail H.1996. *Terjemah Tafsir Ruhul Bayan Juz 5*. Bandung: CV Diponegoro.

Al-Baqi, Muhammad Fu’ad Abdul. 1992. *Al-Mu’jam al-Mufahrats li al Fadz al-Quranul Karim*. Beirut: Dar Ihya al-Turats al-‘Arabi.

Al-Falimbani Abdus-Samad.(2002). *Siyarus Salikin*. Singapura: Pustaka Nasional.

Gardner, H. 1993. *Art, Mind and Brain*. Ind Edition. New York: Basic Books.

Hamka. 1987. *Tafsir Al-Azhar*. Jakarta: Bulan Bintang.

Ibn Kathir, al-Dimasyqi. 2000. *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Giza: Muassasah al-Qurtubah.

Ibnu Manzur. 1711 H. *Lisan al- ‘Arab*. Kaherah: Dar al-Ma’arif.

Jalaluddin Rahmat. 1992. *Islam Aktual*. Bandung: Rosda Karya.

al-Kattani, Abd al-Hay. (t.th). *Nizam al-Hukumah al-Nabawiyyah al-Musamma bi al-Taratib al-Idariyyah*. Lubnan: Dar al-Kitab al-Arabi.

Majdi Fathi Sayyid. 1998. *Amal yang di Benci dan di Cintai Allah*. Jakarta: Gema Press.

Muhammad al-Qurtubi. 1993. *al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*, Bairut: Dar al-Kutub al-‘Arabiyyah.

Mariam Abd Majid & Marlon Pontino Guleng. Masjid Dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik Di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 8(1) 2016. 31-48.

Sulaiman, et.al. 2002. Komunikasi dalam Pengajaran dan Kepimpinan Pendidikan. Kuala Lumpur: Karisma Publications Sdn Bhd.

Syihab Qurish, M. (2002). *Tafsir al-Misbah*. Jakarta: Lentera hati.

At-Thabari, Muhamad Ibn Jarir. 1984. *Tafsir at-Tabari*. J. 3. Beirut: Dar al-fikr, hal 151.

*Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur’an*. 2000. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Yusuf al-Qardhowi. 1993. *Al-Muntaqa min at-targhib wa at-tarhib lil Munziri*. Al-Mansurah Darul Wafa’al-Tabaah wa al-Nasr.

Wahbah al-Zuhayli, Dr. (1991). *Al-Tafsir al-Munir*, j. 23-24. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir, hal, 110